



KASTAM DIRAJA MALAYSIA

CUKAI BARANGAN DAN PERKHIDMATAN

**PANDUAN
INDUSTRI PENERBANGAN**

Penerbitan

Tarikh diterbitkan: 22 Mac 2016.

Panduan Industri Penerbangan disemak sehingga 31 Julai 2013 ditarik balik dan digantikan dengan Panduan Industri Penerbangan disemak sehingga 22 Mac 2016.

Notis Hak Cipta

Hak cipta 2016 Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

Hak cipta terpelihara. Tertakluk kepada Akta Hak Cipta, 1987 (Malaysia).

Panduan ini boleh ditarik balik, sama ada keseluruhannya atau sebahagian daripadanya dengan terbitnya suatu panduan baru. Tiada bahagian daripada penerbitan ini dibenarkan untuk diterbitkan semula, disimpan di dalam sistem perolehan kembali atau dipanjangkan dalam apa jua bentuk termasuk di dalam laman web untuk tujuan komersial tanpa kebenaran bertulis daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Dalam penghasilan semula atau pemetikan kandungan, perakuan sumber diperlukan.

Penolakan Tuntutan

Maklumat ini bertujuan memberi kefahaman umum tentang layanan berkenaan Cukai Barang dan Perkhidmatan dan memberi pemahaman yang lebih baik tentang kewajipan pembayar cukai. Ia bukannya bertujuan untuk mengemukakan pelbagai permasalahan percukaian yang mungkin timbul. Walaupun JKDM telah mengambil semua inisiatif bagi memastikan maklumat yang terkandung dalam Panduan ini adalah tepat, JKDM tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kesilapan dan ketidaktepatan atau sebarang kerugian kewangan atau lain-lain yang ditanggung oleh individu yang menggunakan maklumat daripada Panduan ini. Kesemua maklumat adalah terkini pada masa penyediaan dan tertakluk kepada perubahan apabila perlu.

KANDUNGAN

| | |
|--|-----------|
| PENGENALAN..... | 1 |
| Gambaran Keseluruhan Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP)..... | 1 |
| OPERASI AM INDUSTRI | 1 |
| Latar Belakang Industri Penerbangan | 1 |
| LAYANAN CBP UNTUK INDUSTRI PENERBANGAN | 2 |
| Pembekalan pesawat udara..... | 2 |
| Perkhidmatan carter | 3 |
| Perkhidmatan pengendalian pesawat udara | 5 |
| Perkhidmatan navigasi pesawat udara..... | 5 |
| Perkhidmatan salvaj..... | 6 |
| Perkhidmatan pembaikan dan penyenggaraan pesawat udara serta pemasangan alat-alat ganti | 6 |
| Perkhidmatan pengurusan pesawat udara..... | 7 |
| Perkhidmatan pembrokeran | 8 |
| Lain-lain perkhidmatan kepada pesawat udara | 8 |
| Pengendalian kargo | 9 |
| Perkhidmatan lain..... | 11 |
| SOALAN-SOALAN LAZIM..... | 14 |
| PERTANYAAN | 17 |
| BANTUAN DAN MAKLUMAT LANJUT BERKAITAN CBP | 17 |
| GLOSARI | 18 |

PENGENALAN

1. Panduan industri ini disediakan untuk membantu perniagaan memahami layanan Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP) ke atas industri penerbangan.

Gambaran Keseluruhan Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP)

2. Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP) adalah cukai berperingkat bagi penggunaan tempatan. CBP dikenakan ke atas semua pembekalan bercukai barang dan perkhidmatan melainkan pembekalan yang dikecualikan secara khusus. CBP juga dikenakan ke atas pengimportan barang dan perkhidmatan ke Malaysia.

3. Pembayaran cukai dilakukan di setiap peringkat di dalam proses pengeluaran dan pengedaran. Walaupun cukai dibayar di sepanjang rangkaian pengeluaran dan pengedaran, hanya nilai tambah di setiap peringkat dikenakan cukai dan dengan itu cukai berganda dapat dielakkan.

4. Di Malaysia, seseorang yang didaftarkan di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 dikenali sebagai “orang berdaftar”. Orang berdaftar dikehendaki mengenakan CBP (cukai output) ke atas pembekalan bercukai yang dibuat kepada pelanggannya. Beliau dibenarkan menuntut kembali sebarang CBP yang ditanggung dalam pembeliannya (cukai input) yang merupakan input kepada perniagaannya. Oleh itu cukai tersebut bukanlah merupakan kos di setiap peringkat pengeluaran dan pembekalan dan ianya tidak wujud sebagai perbelanjaan dalam penyata kewangan.

OPERASI AM INDUSTRI

Latar Belakang Industri Penerbangan

5. Perkhidmatan penerbangan termasuk perkhidmatan berikut:

- (a) membawa penumpang, mel atau kargo untuk sewa atau upah melalui udara atau dengan menggunakan mana-mana pesawat

udara di antara dua tempat atau lebih, yang sekurang-kurangnya satu tempat itu berada di Malaysia;

- (b) pengadaan perkhidmatan pengendalian darat di Malaysia; dan
- (c) pengendalian sesuatu aerodrom di Malaysia bagi pelepasan dan pendaratan mana-mana pesawat udara yang terlibat dalam membawa penumpang, mel atau kargo bagi sewa atau upah.

6. Perkhidmatan pengangkutan udara didefinisikan sebagai suatu perkhidmatan udara komersial yang dikendalikan bagi maksud mengangkut orang, barang peribadi, bagasi, barangan atau kargo dalam sesuatu pesawat udara di antara dua tempat. Pengendali perkhidmatan pengangkutan udara perlu mengendalikan sekurang-kurangnya satu pesawat udara yang dimiliki sendiri, dipajak atau disewa.

7. Selain itu, terdapat beberapa entiti lain yang terlibat dalam industri penerbangan termasuk badan kerajaan.

LAYANAN CBP UNTUK INDUSTRI PENERBANGAN

Pembekalan pesawat udara

8. Menurut Akta Suruhanjaya Penerbangan Malaysia 2015, “pesawat udara” bermaksud suatu mesin yang boleh mendapatkan daya angkat di atmosfera daripada tindak balas udara, selain tindak balas udara terhadap permukaan bumi.

9. Di bawah Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pembekalan Berkadar Sifar) 2014, pesawat udara termasuklah apa-apa pesawat udara yang dimiliki atau dikendalikan oleh kerajaan suatu negara asing yang tidak digunakan atau tidak bertujuan untuk digunakan bagi rekreasi atau keseronokan. Oleh yang demikian, bagi tujuan Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pembekalan Berkadar Sifar) 2014, skop pesawat udara adalah terhad kepada

- (a) kapal terbang (awam atau tentera), dan

- (b) helicopter

tetapi tidak termasuk pesawat udara lain seperti

- (a) peluncur udara,
- (b) simulator,
- (c) dron,
- (d) belon udara panas, dan
- (e) satelit.

10. Pembekalan pesawat udara termasuk jualan dan perolehan pesawat udara tersebut adalah pembekalan barang. Ia adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

Perkhidmatan carter

11. Perkhidmatan carter berhubung dengan suatu pesawat udara termasuk
- (a) pajakan pesawat udara, sama ada penyewaan dengan juruterbang atau anak kapal atau penyewaan tanpa juruterbang atau anak kapal,
 - (b) penyewaan pesawat udara untuk
 - (i) perkhidmatan pengangkutan barang,
 - (ii) perkhidmatan pengangkutan penumpang, atau
 - (iii) perkhidmatan yang lain.

12. Sekiranya hanya sebahagian daripada ruangan kargo atau kapasiti tempat duduk dalam mana-mana pesawat udara dibekalkan, maka ia bukanlah suatu pembekalan pesawat udara tetapi merupakan pembekalan penyewaan untuk pengangkutan barang atau penumpang.

13. Penyewaan pesawat udara mestilah berhubung dengan keseluruhan pesawat udara. Kedua-dua pihak hendaklah bersetuju bahawa kontrak mereka membekalkan penyewaan pesawat udara sama ada dengan atau tanpa anak kapal.
14. Penyewaan pesawat udara tanpa anak kapal dikenali sebagai *dry charter*. Bergantung kepada kontrak, kebiasaannya kos penyenggaraan dan operasi pesawat udara ditanggung oleh penyewa.
15. Penyewaan pesawat udara dengan anak kapal dikenali sebagai *wet charter*. Bergantung kepada kontrak, kebiasaannya penyenggaraan dan penjagaan pesawat udara adalah di bawah tanggungan pemilik pesawat. Walau bagaimanapun, kos operasi adalah ditanggung oleh penyewa.
16. Penyewaan pesawat udara untuk kegunaan dalam Malaysia adalah berkadar standard. Sebaliknya, penyewaan pesawat udara untuk kegunaan di luar Malaysia adalah berkadar sifar di bawah butiran 9, Jadual Kedua, Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pembekalan Berkadar Sifar) 2014 dengan syarat:

- (a) pesawat udara dieksport ke luar Malaysia; atau
- (b) pesawat udara telah berada di luar Malaysia semasa perkhidmatan dibekalkan.

Contoh 1:

Apabila sebuah pesawat udara dipajak daripada orang berdaftar, maka pajakan tersebut adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

Contoh 2:

Sebaliknya, jika pesawat udara tersebut dipajak dari luar negara atau syarikat dalam kawasan ditetapkan (DA), maka CBP akan dikenakan ke atas pengimportan pesawat udara semasa pesawat udara yang dipajak itu diimport ke Malaysia

Contoh 3:

Syarikat Megah Sdn Bhd carter sebuah jet peribadi bersama dengan juruterbang dan anak kapal untuk menghantar Lembaga Pengarah bagi menghadiri mesyuarat di Pulau Langkawi. Perkhidmatan carter tersebut adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

Perkhidmatan pengendalian pesawat udara

17. Perkhidmatan pengendalian pesawat udara di suatu lapangan terbang dalam kapasiti perniagaan adalah berkadar sifar di bawah subbutiran 1(a), Jadual Kedua, Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pembekalan Berkadar Sifar) 2014.

18. Lapangan terbang bermaksud agregat tanah yang terdapat dalam suatu aerodrom termasuklah bangunan, hangar pesawat udara, tempat penyimpanan, kemudahan, jalan dan tempat letak kereta yang digunakan atau dicadangkan untuk digunakan secara keseluruhan atau sebahagiannya bagi maksud atau berkaitan dengan pengendalian aerodrom itu.

19. Perkhidmatan pengendalian pesawat udara termasuk:

- (a) pendaratan,
- (b) parkir,
- (c) perkhidmatan hangar,
- (d) perkhidmatan *apron*, dan
- (e) perkhidmatan keselamatan dan kebombaaran.

Perkhidmatan navigasi pesawat udara

20. Perkhidmatan navigasi udara termasuk penyediaan maklumat penerbangan, kawalan trafik udara dan maklumat penerbangan berkaitan dengan pergerakan pesawat udara ke, dari dan di dalam Malaysia.

21. Perkhidmatan navigasi udara dibekalkan oleh Jabatan Penerbangan Awam (DCA) manakala Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) membekalkan perkhidmatan navigasi udara bagi pesawat tentera di pengkalan tentera.

22. Perkhidmatan yang dibekalkan oleh agensi kerajaan seperti DCA dan TUDM kepada mana-mana pesawat udara, sama ada pesawat tempatan atau luar negara adalah di luar skop dan CBP tidak dikenakan.

Perkhidmatan salvaj

23. Apa-apa perkhidmatan yang diberikan dalam membantu atau menyelamatkan nyawa, kargo atau pesawat udara hendaklah disifatkan sebagai perkhidmatan salvaj.

24. Perkhidmatan salvaj yang dibekalkan berhubung dengan suatu pesawat udara dalam kapasiti perniagaan adalah berkadar sifar di bawah subbutiran 1(c), Jadual Kedua, Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pembekalan Berkadar Sifar) 2014.

Perkhidmatan pembaikan dan penyenggaraan pesawat udara serta pemasangan alat-alat ganti

25. Kelayakan terbang adalah perkara yang paling penting dalam industri penerbangan untuk memastikan kesesuaian pesawat udara untuk penerbangan yang selamat. Sijil kelayakan terbang dikeluarkan setelah melalui keperluan penyenggaraan yang dikehendaki, seperti pembaikan, perkhidmatan penyenggaraan dan pemasangan alat-alat ganti.

26. Perkhidmatan pembaikan dan penyenggaraan termasuk:

- (a) mengembalikan semula pesawat udara atau alat-alat ganti pesawat udara ke keadaan yang boleh diguna,
- (b) kerja-kerja mengubah suai, membaik pulih, menambahbaik dan menaik taraf bagi memperbaiki keupayaan pesawat udara atau alat-

alat gantinya tanpa mengubah fungsi dan bentuk asal pesawat udara atau alat-alat gantinya,

- (c) penilaian dan pensijilan semula untuk memastikan sama ada pesawat udara atau alat-alat ganti pesawat udara tersebut boleh dibaiki atau layak terbang, dan
- (d) ujian alat-alat ganti dan komponen, pembersihan dan fumigasi.

27. Perkhidmatan pembaikan dan penyenggaraan yang dibekalkan ke atas pesawat udara adalah pada kadar sifar di bawah subbutiran 1(d), Jadual Kedua, Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pembekalan Berkadar Sifar) 2014, dengan syarat perkhidmatan tersebut dibekalkan oleh orang yang mempunyai sijil yang sah atau kelulusan daripada DCA untuk membaiki, menyenggara dan memasang pesawat udara dan ia termasuk perkhidmatan membaiki dan menyenggara komponen pesawat udara.

28. Pembekalan alat ganti pesawat udara termasuk pembekalan perkhidmatan pemasangan adalah berkadar sifar tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- (a) alat-alat ganti dipasang atau digabungkan dalam pendorongan, sistem navigasi atau komunikasi, atau struktur am pesawat udara (alat-alat ini mesti unik dan tidak boleh digunakan selain daripada digunakan di dalam pesawat udara), dan
- (b) alat-alat ganti pesawat udara hendaklah baru atau boleh diservis untuk layak terbang.

Perkhidmatan pengurusan pesawat udara

29. Perkhidmatan pengurusan pesawat udara kebiasaannya merupakan sebahagian daripada perjanjian di antara pemilik pesawat udara dengan pengendali pesawat. Khidmat oleh pengurus pesawat udara termasuk penyeliaan penyenggaraan, pemeriksaan dan pembaikan pesawat udara, pengaturan insuran

berkaitan dengan pesawat udara, pengurusan tuntutan insuran, pengambilan dan penyediaan anak kapal dan sebagainya.

30. Perkhidmatan pengurusan pesawat udara adalah berkadar sifar di bawah butiran 2, Jadual Kedua, Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pembekalan Berkadar Sifar) 2014, dengan syarat ia dibekalkan berkaitan dengan pengendalian pesawat udara dalam kapasiti perniagaan dan bukan dalam kapasiti peribadi.

Perkhidmatan pembrokeran

31. Pembekalan perkhidmatan pembrokeran dan agensi berhubung dengan pesawat udara adalah berkadar sifar di bawah subbutiran 1(f), Jadual Kedua, Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pembekalan Berkadar Sifar) 2014. Membuat pengaturan bagi membekalkan ruangan dalam pesawat udara adalah satu contoh perkhidmatan pembrokeran.

Lain-lain perkhidmatan kepada pesawat udara

32. Terdapat perkhidmatan lain yang dibekalkan kepada pesawat udara seperti:

- (a) perkhidmatan pendaftaran oleh DCA,
- (b) pensijilan kelayakan terbang oleh DCA, dan
- (c) perkhidmatan pengukuran dan klasifikasi.

33. Perkhidmatan pendaftaran dan pensijilan kelayakan terbang yang dibekalkan oleh DCA kepada pesawat udara merupakan pembekalan di luar skop, oleh yang demikian tiada CBP dikenakan.

34. Perkhidmatan klasifikasi yang berkaitan dengan tujuan pendaftaran dan pengukuran yang berkaitan dengan pensijilan kelayakan terbang adalah berkadar sifar di bawah subbutiran 1(e), Jadual Kedua, Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pembekalan Berkadar Sifar) 2014. Walau bagaimanapun, jika

perkhidmatan ini dibekalkan oleh DCA, maka ia merupakan pembekalan di luar skop CBP.

Pengendalian kargo

35. Pengendalian kargo termasuk pemuatan, pemungghahan, pengendalian dan penyimpanan kargo pesawat udara. Perkhidmatan ini kebiasaannya disediakan oleh ejen penghantaran dan tertakluk kepada CBP pada kadar standard. Walau bagaimanapun, sekiranya perkhidmatan tersebut disediakan oleh pengendali lapangan terbang atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Menteri yang bertanggungjawab bagi pengangkutan, di lapangan terbang adalah berkadar sifar di bawah subbutiran 3(1), Jadual Kedua, Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pembekalan Berkadar Sifar) 2014.

36. Perkhidmatan penyimpanan kargo pesawat udara di lapangan terbang adalah berkadar sifar apabila pembekalan tersebut berkaitan dengan pergerakan kargo yang dijalankan atau akan dijalankan ke dalam pesawat udara, contohnya penyimpanan kargo semalaman sebelum dimuatkan atau selepas dipungghah dari pesawat udara.

37. Contoh perkhidmatan pengendalian kargo adalah seperti berikut:

- (a) pemungghahan kargo dan perkhidmatan porter;
- (b) memuat, memungghah muatan, memuat semula, menyimpan, menjaga dan memindahkan kargo, penggunaan kren dan mesin menimbang berat;
- (c) menyusun, membuka untuk pemeriksaan, membaiki, menimbang dan menurap, melekatkan dan memateri, memadam dan menanda semula, melabel dan menomborkan semula, mencatat, memeriksa, membuat sampel, menyukat atau mengukur barang;
- (d) memeriksa kargo (termasuk kargo yang rosak);
- (e) perkhidmatan keselamatan kargo;

- (f) mengemukakan barang untuk perisytiharan kastam;
- (g) menyediakan atau meminda perisytiharan kastam;
- (h) menyediakan atau meminda bil muatan, bil jalan udara dan sijil penghantaran.

38. Perkhidmatan pengendalian kargo adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard sekiranya ia dibekalkan berhubungan dengan pergerakan kargo domestik.

39. Sebaliknya, perkhidmatan pengendalian kargo yang berkaitan dengan pergerakan kargo antarabangsa (kargo import dan eksport termasuk pindahkapal) adalah tertakluk kepada kadar sifar di bawah butiran 5, Jadual Kedua, Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pembekalan Berkadar Sifar) 2014, jika perkhidmatan tersebut dibekalkan oleh pembekal yang sama yang membekalkan pengangkutan domestik dan antarabangsa.

Contoh 4:

Pemuatan, pemunggahan muatan dan pengendalian kargo dari KLIA ke Kota Kinabalu oleh penghantar fret (freight forwarder) adalah berkadar standard. Penghantar fret perlu mengenakan CBP pada kadar standard kepada pemilik atau konsainor kargo.

Contoh 5:

MASCargo telah diberi kontrak oleh sebuah pengilang tempatan untuk mengangkut barang dari kilang di Shah Alam ke London melalui KLIA. Syarikat pengangkutan ini membekalkan kesemua perkhidmatan pengendalian kargo yang perlu bagi kedua-dua peringkat penghantaran domestik dan antarabangsa. Perkhidmatan sedemikian yang dibekalkan oleh pembekal yang sama adalah layak berkadar sifar.

Perkhidmatan lain

40. Terdapat perkhidmatan lain yang berkaitan dengan industri penerbangan seperti:

- (a) pembekalan bekalan pesawat udara,
- (b) perkhidmatan katering,
- (c) penyewaan lot komersil,
- (d) perkhidmatan latihan penerbangan,
- (e) keselamatan lapangan terbang,
- (f) parkir lapangan terbang, dan
- (g) pengiklanan.

41. Pembekalan bekalan pesawat udara atau barang dagangan untuk dijual secara runcit kepada penumpang dalam penerbangan antarabangsa adalah tertakluk kepada CBP pada kadar sifar di bawah butiran 4, Jadual Pertama, Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pembekalan Berkadar Sifar) 2014.

42. Barang-barang yang diklasifikasikan sebagai barang bekalan pesawat udara adalah seperti berikut:

- (a) barang habis guna, contohnya:
 - (i) perkhidmatan katering dalam kapal terbang (makanan dan minuman termasuk minuman keras seperti spirit, wain dan bir),
 - (ii) ubat terkawal dalam kuantiti yang munasabah sebagai perubatan yang dibekal untuk kegunaan dalam penerbangan, dan
 - (iii) minyak, minyak pelincir dan bahan-bahan pencuci.

- (b) barang tidak habis guna, contohnya
 - (i) bekalan kabin, dan
 - (ii) alat-alat ganti dan komponen untuk dipasang ke dalam pesawat (termasuk peralatan seperti pemain video, khusus untuk manfaat penumpang di pesawat).
43. Perkhidmatan katering dalam penerbangan bagi penerbangan domestik adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard. Walau bagaimanapun, perkhidmatan katering dalam penerbangan bagi penerbangan antarabangsa adalah tertakluk kepada CBP pada kadar sifar di bawah butiran 8, Jadual Kedua, Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pembekalan Berkadar Sifar) 2014.
44. Perkhidmatan pengendalian kabin (pemindahan, pemuatan dan pemunggahan hidangan, bekalan kering dan stor serta perkhidmatan pembersihan) yang dibekalkan berhubung dengan penyediaan katering dalam penerbangan oleh katerer adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.
45. Penyewaan lot komersil di terminal lapangan terbang adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

Contoh 6:

XYZ Telecommunications telah menyewa satu lot komersil di terminal lapangan terbang bagi memasarkan produknya. Pengendali terminal perlu mengenakan CBP pada kadar standard ke atas penyewaan tersebut.

46. Perkhidmatan latihan penerbangan yang dibekalkan oleh DCA adalah di luar skop CBP, oleh yang demikian CBP tidak dikenakan. Walau bagaimanapun, sekiranya perkhidmatan latihan dibekalkan oleh pihak selain daripada badan kerajaan adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.
47. Perkhidmatan keselamatan di lapangan terbang adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

48. Caj parkir kereta, teksi dan bas di sekitar kawasan lapangan terbang adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

49. Penyewaan ruang pengiklanan di terminal lapangan terbang oleh pengendali lapangan terbang adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

50. Layanan CBP ke atas minyak yang dibekalkan kepada penerbangan domestik adalah berkadar standard. Sekiranya minyak itu dibekalkan untuk penerbangan antarabangsa, ia adalah berkadar sifar di bawah butiran 4, Jadual Pertama, Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pembekalan Berkadar Sifar) 2014.

SOALAN-SOALAN LAZIM

S1. Apakah layanan CBP ke atas jualan kontena udara?

J1. Jualan kontena udara adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

S2. Apakah layanan CBP jika kontena udara itu dipajak?

J2. Pembekalan kontena udara secara pajakan, adalah berkadar sifar di bawah butiran 24, Jadual Kedua, Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pembekalan Berkadar Sifar) 2014 dengan syarat kontena mestilah:

- (a) digunakan untuk pengangkutan barang; dan
- (b) mematuhi piawaian yang ditentukan bagi *Aircraft Unit Load Devices* yang ditentukan oleh *International Air Transport Association* atau organisasi lain yang setara.

S3. Adakah perkhidmatan pembaikan dan penyenggaraan kontena udara layak mendapat layanan CBP pada kadar sifar?

J3. Tidak. Ia adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

S4. Apakah layanan CBP ke atas Caj Perkhidmatan Penumpang (cukai lapangan terbang)?

J4. Caj perkhidmatan penumpang yang dikenakan oleh pengendali lapangan terbang adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard sama ada untuk perjalanan domestik ataupun antarabangsa.

S5. Adakah perkhidmatan kargo termasuk pelepasan barang dari kawalan kastam?

J5. Ya. Ejen penghantaran perlu mengenakan CBP pada kadar standard kepada pemilik barang bagi pembekalan perkhidmatan untuk pelepasan barang dari kawalan kastam.

S6. Bagaimana sekiranya pelepasan barangan tersebut diuruskan oleh pengendali lapangan terbang?

J6. Pengendali lapangan terbang biasanya tidak menguruskan pelepasan barang dari kawalan kastam. Bagaimanapun, sekiranya pengendali tersebut membuat pelepasan barang bagi pihak pemilik barang/konsaini, maka perkhidmatan pengendalian tersebut adalah berkadar sifar.

S7. Fumigasi adalah satu proses yang perlu dilakukan ke atas kebanyakan kargo sebelum dieksport atau selepas diimport. Apakah layanan CBP ke atas fumigasi ini?

J7. Perkhidmatan fumigasi ini adalah tertakluk pada kadar sifar jika perkhidmatan dibekalkan oleh pengendali lapangan terbang atau oleh pembekal yang sama seperti yang diperuntukkan di bawah butiran 5, Jadual Kedua, Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pembekalan Berkadar Sifar) 2014.

S8. Apakah layanan CBP ke atas perkhidmatan latihan penerbangan yang dibekalkan oleh badan selain dari DCA?

J8. Perkhidmatan latihan penerbangan yang dibekalkan oleh badan selain dari DCA adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

S9. Apakah layanan CBP ke atas caj bagasi lebih oleh pengendali penerbangan?

J9. Layanan CBP ke atas caj bagasi lebih akan mengikut layanan CBP bagi perjalanan.

S10. Haneem ingin menukar tiket penerbangannya. Adakah pengendali penerbangan akan mengenakan CBP?

J10. Pengendali penerbangan akan mengenakan caj pentadbiran untuk menukar tiket penerbangan dan ia adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard. Perbezaan harga tiket bagi penerbangan domestik adalah

tertakluk kepada CBP pada kadar standard, manakala ia adalah berkadar sifar bagi tiket penerbangan antarabangsa.

S11. Apakah layanan CBP bagi penalti yang dikenakan oleh pengendali penerbangan?

J11. Sekiranya penalti itu adalah dalam bentuk pampasan dan tiada perkhidmatan yang dibekalkan, maka ia bukanlah suatu pembekalan dan tidak tertakluk kepada CBP. Dalam kes di mana penalti dikenakan sebagai fi pentadbiran, ia adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard. Sebagai contoh:

- penalti pengeluaran semula tiket – fi pentadbiran (tertakluk kepada CBP pada kadar standard)
- penalti pembatalan – pampasan (tidak tertakluk kepada CBP)
- penalti bayaran balik – pampasan (tidak tertakluk kepada CBP)
- penalti tidak hadir – pampasan (tidak tertakluk kepada CBP)
- penalti tukar laluan – fi pentadbiran (tertakluk kepada CBP pada kadar standard)

S12. Pengendali penerbangan membekalkan hidangan percuma kepada penumpang kerana penangguhan penerbangan atau pertukaran penerbangan lebih daripada 4 jam, adakah pembekalan hidangan tertakluk kepada CBP?

J12. Baucar hidangan yang diberi secara percuma kepada penumpang adalah tidak tertakluk kepada CBP. Walau bagaimanapun, jika restoran adalah orang berdaftar CBP, restoran perlu mengenakan CBP pada kadar standard apabila baucar tersebut ditebus.

PERTANYAAN

1. Sebarang pertanyaan berkenaan panduan ini sila hubungi :

Sektor V

Bahagian GST

Jabatan Kastam Diraja Malaysia

Aras 3 – 7, Blok A, Menara Tulus,

No. 22, Persiaran Perdana, Presint 3,

62100 Putrajaya.

Emel: gstsector5@customs.gov.my.

BANTUAN DAN MAKLUMAT LANJUT BERKAITAN CBP

2. Maklumat lanjut berkaitan CBP boleh diperolehi daripada:

(a) Laman sesawang CBP : www.gst.customs.gov.my

(b) Pusat Panggilan Kastam:

- Tel : 03-78067200/ 1-300-888-500
- Faks : 03-78067599
- Emel : ccc@customs.gov.my.

GLOSARI

Perkhidmatan Pengendalian Darat termasuk

- pentadbiran dan penyediaan darat
- pengendalian penumpang
- pengendalian muatan dan mel
- perkhidmatan pesawat udara
- penyenggaraan pesawat udara
- operasi penerbangan dan pentadbiran anak kapal
- pengangkutan permukaan
- perkhidmatan catering
- pengendalian bagasi
- pengendalian tanjakan
- pengendalian bahan api dan minyak